

**PERKEMBANGAN EKONOMI MARITIM DALAM SOSIOEKONOMI  
DAERAH MANJUNG (1874-1935)**

***THE DEVELOPMENT OF MARITIME ECONOMY IN THE SOCIOECONOMIC  
OF MANJUNG DISTRICT (1874-1935)***

**Ahmad Fadzil Ahmad Shuhaili\***  
**Khairi Ariffin\*\***

**Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA**

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik perkembangan ekonomi maritim dalam sosioekonomi daerah Manjung dari tahun 1874 sehingga tahun 1935. Daerah Manjung, yang sebelumnya dikenali sebagai Daerah Dinding, merupakan kawasan penting dalam sejarah perdagangan dan aktiviti maritim. Pelabuhan-pelabuhan utama seperti di pesisir Sungai Dinding, Lumut dan di Pulau Pangkor memainkan peranan penting sebagai pusat perdagangan dan pembangunan sosioekonomi setempat di daerah Dinding. Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh. Kaedah kualitatif dilakukan dengan melaksanakan analisis dokumen yang diperoleh di Arkib Negara dan institusi pengajian tinggi awam di Malaysia selain membuat rujukan ke atas bahan-bahan *secondary* seperti buku-buku sejarah dan jurnal. Antara sumber primer yang akan digunakan ialah *Dindings Rural Board*, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, *High Commisioner Office* dan Pejabat Hutan Perak. Kaedah kuantitatif turut juga dilakukan dengan membuat analisis kepada data statistik yang diperoleh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sosioekonomi daerah Dinding ini telah berkembang dengan sumber ekonominya yang pelbagai terutamanya daripada sumber pertanian, pembalakan dan daripada sumber ekonomi maritim. Pelabuhan telah berperanan sebagai pusat pentadbiran maritim dan menjadi titik penting dalam aktiviti eksport dan import hasil-hasil ekonomi tempatan. Secara kesimpulan, daerah Dinding telah berperanan dalam menyumbang keuntungan ekonomi kepada British di bawah pentadbiran Negeri-Negeri Selat terutamanya dalam bidang ekonomi maritim. Sistem pentadbiran British telah mengawal-selia perkembangan sosioekonomi daerah tersebut sehinggalah ia diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri Perak pada tahun 1935.

**Kata kunci:** Sosioekonomi, Maritim, Pelabuhan, Dinding, Negeri-Negeri Selat

**Abstract**

*This study aims to investigate the development of the maritime economy within the socioeconomic of the Manjung district from 1874 to 1935. The Manjung district, previously known as the Dinding district, was a significant area in the history of trade and maritime activities. Major ports along the Dinding River, Lumut, and Pangkor Island played crucial roles as centers of trade and local socioeconomic development in the Dinding district. This study combines quantitative and qualitative methods to provide a comprehensive understanding. The qualitative method involves document analysis sourced from the National Archives and public higher education institutions in Malaysia, in addition to referencing secondary materials such as history books and*

*journals. Primary sources include Dindings Rural Board, Selangor State Government Secretary, High Commissioner's Office and the Perak Forest Office. The quantitative method includes statistical data analysis. The findings of the study indicate that the socioeconomic of the Dinding district developed with diverse economic sources, particularly from agriculture, logging, and maritime economic resources. The ports functioned as maritime administrative centers and were pivotal points in the export and import activities of local economic products. In conclusion, the Dinding district contributed to the economic profit of the British under the administration of the Straits Settlements, especially in the maritime economy. The British administrative system regulated the socioeconomic development of the district until it was returned to the Perak State Government in 1935.*

**Keywords:** *Socioeconomic, Maritime, Port, Dinding, Straits Settlements*

## **Pendahuluan**

Daerah Manjung merupakan jajahan yang dahulunya dikenali dengan panggilan Daerah Dinding sebelum ditukar namanya menjadi daerah Manjung pada Januari 1982.<sup>1</sup> Ia merupakan satu unit pentadbiran yang merangkumi mukim Beruas dan Sitiawan. Semasa era penjajahan Inggeris di bawah pemerintahan Negeri-Negeri Selat, Jajahan Dinding merangkumi tiga buah kawasan utama, iaitu Sitiawan, Lumut dan Pulau Pangkor.<sup>2</sup> Daerah Manjung pada awalnya ditadbir oleh Majlis Daerah Manjung yang ditubuhkan pada 1 Januari 1980 sebelum dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran Manjung (MPM) sebagaimana warta Kerajaan Negeri Perak pada Ogos 2001.

Berdasarkan sejarah Jajahan Dinding, jajahan ini telah dibuka oleh Nakhoda Muhammad Taib dan beliau telah menjadikan Kuala Sepit di pesisir Sungai Dinding sebagai pusat pentadbiran. Kuala Sepit inilah yang menjadi permulaan sebagai pusat pelabuhan kapal keluar masuk ke Selat Dinding. Nakhoda Mohd. Taib ini berasal dari Batu Ara, Sumatera sebelum berpindah dan membuka penempatan di kawasan muara Sungai Dindings bersama pengikut-pengikutnya sekitar tahun 1860M. Beliau kemudian mendapat kebenaran daripada Sultan Perak ketika itu iaitu Sultan Jaafar untuk mentadbir dan memungut cukai di kawasan tersebut.<sup>3</sup>

## **Latar Belakang Daerah Dinding**

Rujukan terawal tentang sejarah Dinding dapat ditelusuri kembali ke abad ke-17 seperti yang tercatat dalam dokumen dari rekod-rekod Belanda di Melaka.<sup>4</sup> Dokumen-dokumen ini telah menyatakan beberapa arahan untuk mengeksport kayu merah dari Pulau Dinding (Pangkor) untuk dihantar ke Belanda. Perdagangan awal ini menunjukkan pengetahuan Belanda terhadap kedudukan Dinding dan hasil alamnya, dan itu telah membawa kepada pembinaan kilang Belanda di Perak pada tahun 1650.

Kepentingan Dinding dalam laluan kapal jelas terlihat dalam catatan *Wouter Schouten*, seorang ahli pelayaran Belanda yang menggambarkan keindahan semula jadi dan kedudukan strategik Pulau Dinding tersebut.<sup>5</sup> Pulau ini dilaporkan

mempunyai topografi yang berbukit dan pantai yang curam. Belanda cuba menduduki pulau ini dengan membina kubu pertahanan tenteranya tetapi telah menghadapi tentangan kuat daripada penduduk Melayu di kawasan tersebut. Pulau Dinding telah berada di bawah kawalan perdagangan Belanda selama lebih dari satu abad setengah dan ia berperanan sebagai penyumbang kepada ekonomi maritim ketika kawalan Belanda. Sungai yang mempunyai muara luas dan dalam serta berupaya menampung kemasukan kapal bersaiz besar menambah nilai kepentingan kawasan tersebut sebagai laluan maritim dan pusat perdagangan.

“Perak had been at least a century and a half under the commercial control of the Dutch who had a factory at the town and at one time a small fort on the fine harbour formed between the Dinding Islands and the main.”<sup>6</sup>

“A wide and deep river at the entrance, capable of admitting vessels of a large size. About 7 miles up, is a village under a Chief of Salengore, containing about forty houses. This river does not extend above 20 miles into the interior. To the southward of Pankour, is a small island called Pulo Kata, and from the southern point on the Main directly opposite, commence a deep bay called Teluk Batu, between within a deep Perak River, which lies opposite the Sembilang or Nine Islands, are the following small rivers”<sup>7</sup>

Sepanjang sejarahnya, Dinding ini telah menyaksikan kehadiran kuasa Eropah yang berubah-ubah. Penjajahan Belanda, disusuli oleh pembunuhan beramai-ramai penduduk tempatan oleh Belanda dan akhirnya dibiarkan tanpa pembangunan. Belanda telah mendirikan monumen untuk menandakan kehadiran mereka seperti tiang batu dengan lambang mereka. Walau bagaimanapun, penjajahan Belanda telah membawa kepada konflik dan perang berpanjangan yang menyebabkan beberapa kali tentera telah dipanggil balik disebabkan keadaan yang tidak stabil akibat serangan penduduk tempatan. Menurut catatan, berlaku serangan terhadap kubu tentera Belanda di Pulau Dinding pada tahun 1690 yang menyebabkan Belanda mengambil keputusan untuk tidak menempatkan tenteranya secara tetap di situ. Pada tahun 1745, Belanda telah kembali membina kubu pertahanan tentera di situ namun lima tahun kemudian mereka telah berpindah. Ini memberi gambaran mengenai hubungan kuasa dan konflik antara Belanda dengan penduduk tempatan pada waktu tersebut di samping memaparkan kronologi cubaan perluasan kuasa oleh Belanda.

“It is on record that in 1690, the Dutch garrison at Pangkor, in the Dindings. was cut off by the Malays; and three years later an order was given that in consequence of this massacre, no garrison should be posted again at Pulau Dinding, but that a stone pillar should be erected there, having on one side the arms of the United East India Co., and on the other those of the United Provinces. Having set up this monument the Dutch left the place for a period of 50 years and when they returned in 1745 a small fort was erected. Five years later the garrison was sent to Perak, thus ending their occupation of Pangkor.”<sup>8</sup>

Peranan ekonomi Dinding pada masa penjajahan Belanda di daerah tersebut dinyatakan secara tidak langsung dalam perjanjian antara Belanda dan Sultan Perak

mengenai penghasilan timah di daerah tersebut.<sup>9</sup> Perjanjian tersebut menetapkan bahawa Sultan Perak secara eksklusif menyerahkan seluruh bijih timah yang dihasilkan di daerah tersebut kepada Belanda dengan tarif tertentu. Peranan penting Gubernur Jeneral dan Lembaga Pengarah Syarikat Hindia Timur Belanda telah digambarkan dalam mengatur kegiatan ekonomi dan ketenteraan di daerah tersebut. Dengan arahan secara langsung berkaitan pengambilalihan Pulau Dinding, pembinaan pelabuhan dan penempatan tentera, Gubernur Jeneral dan Lembaga Pengarah Syarikat ini telah secara langsung terlibat dalam langkah strategik tersebut. Selain itu, Belanda menetapkan syarat bagi semua kapal untuk singgah di pelabuhan yang dibina di Pulau Dinding untuk diperiksa oleh tentera Belanda. Belanda telah membina kubu di Pulau Dinding pada tahun 1745 dan telah mengutip tol daripada kapal-kapal dagang yang melalui kawasan tersebut. Dengan memaksa kapal-kapal untuk singgah di pelabuhan mereka, Belanda dapat memantau dan mengatur perdagangan yang masuk dan keluar dari Daerah Dinding. Selain itu, Belanda turut membina infrastruktur ketenteraan di Pulau Dinding yang dapat memantau aktiviti perdagangan laut. Ini menunjukkan bahawa kedatangan Belanda di Dinding tidak hanya mempengaruhi pengeluaran dan perdagangan bijih timah, tetapi juga memberi kesan kepada infrastruktur dan aktiviti perdagangan laut di daerah tersebut. Kedatangan Belanda di Dinding juga dapat dilihat sebagai sebahagian dari rancangan mereka untuk mengawal perdagangan dan hasil mahsul di negeri-negeri yang mereka kuasai di Asia Tenggara. Dengan mengawal hasil bumi dan perdagangan timah di Dinding, Belanda dapat memperkuat kedudukan mereka dalam perdagangan global pada penghujung tahun 1800-an.

Dinding sudah pun dikenali sebagai daerah yang memiliki kekayaan bijih timah, lada dan sumber kayu bermula abad ke-17 lagi. Kekayaan ini memberi kesan yang besar terhadap ekonomi kawasan tersebut. Pada abad ke-19, kawasan ini telah menjadi pusat bagi pengeluaran kopi dan kemudiannya getah. Industri perikanan yang pesat turut memainkan peranan penting dengan ramai nelayan Cina telah menetap di kawasan Dinding dan memberi sumbangan kepada ekonomi tempatan.<sup>10</sup> Pada awal abad ke-20, ekonomi daerah ini telah beralih kepada sektor pertanian dengan penanaman kelapa, nanas dan tanaman kontan yang lain. Perubahan ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti perubahan permintaan global dan teknologi pertanian yang semakin berkembang. Dinding turut terkenal dengan pengeluaran minyak kelapa sawit dan produk pertanian lain. Industri kayu hutan juga penting dalam menyumbang kepada pendapatan daerah dengan usaha proaktif telah diambil untuk menubuhkan simpanan hutan bagi mengelakkan penerokaan yang berlebihan terhadap sumber semula jadi di Dinding ini. Ini menunjukkan kesedaran pentadbiran Negeri Selat terhadap kelestarian alam sekitar dan keperluan untuk mengurus sumber semula jadi dengan bijak bagi jangka panjang ekonomi daerah tersebut.<sup>11</sup>

Sungai Dinding memainkan peranan secara langsung dalam aspek ekonomi Daerah Dinding. Antara lokasi laluan Sungai Dinding adalah sebuah kampung bernama Simpiti atau Sepit, iaitu kawasan berasaskan ekonomi seperti pembalakan dan perdagangan laut.<sup>12</sup> Kampung Simpiti ini disebutkan sebagai pusat perdagangan dan memiliki potensi ekonomi yang besar terutama berkaitan dengan penanaman padi. Keluasan kawasan pertanian padi di sekitar Sungai Dinding ini adalah sekitar 30 hingga 40 ribu orlongs (satu orlongs bersamaan 20 jumba, atau 40 depa, atau 160 hasta atau 4 per tiga ekar) kawasan pertanian padi yang subur. Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai aktiviti ekonomi hiliran di sekitar Sungai Dinding seperti industri

kayu dan pembakaran arang oleh penduduk Cina di Teluk Sera. Penghasilan pertanian ini turut disokong oleh pengangkutan air di Sungai Perak dan ia turut memberi kesan langsung terhadap penanaman kelapa, padi, dan tebu di daerah Dinding tersebut.

Kerajaan Dinding dan Kerajaan Bruas memiliki pengaruh yang kuat terhadap pola penempatan tradisional di Perak.<sup>13</sup> Secara umum, penempatan tradisional di Perak memiliki hubungan yang erat dengan sejarah kerajaan-kerajaan kuno di negeri tersebut. Misalnya, penempatan tradisional utama di Perak kebanyakannya terletak di sekitar Sungai Perak dan Kerajaan Dinding juga merupakan daerah pesisir air. Ini menunjukkan kepentingan sungai sebagai sumber kehidupan dan pusat aktiviti masyarakat di zaman tradisional. Selain itu, faktor geografi seperti keadaan tanah turut mempengaruhi pola penempatan tradisional di Perak. Contohnya, penempatan tradisional di Perak di zaman kolonial sama ada oleh Belanda dan British berkait rapat dengan sejarah perlombongan timah di negeri itu. Aktiviti perlombongan timah ini telah mempengaruhi pola penempatan tradisional di negeri tersebut kerana banyak pekerja lombong yang berhijrah dari daerah-daerah lain di Perak.

### **Latar Belakang Sumber Ekonomi Daerah Dinding**

Sumber ekonomi utama di Dinding pada tahun 1800-an secara umumnya dapat dibahagikan kepada beberapa aspek utama.<sup>14</sup> Pertama, perdagangan memainkan peranan penting dalam ekonomi Dinding. Sebagai daerah yang terletak berdekatan perairan laut, perdagangan laut menjadi salah satu sumber utama dalam menjana pendapatan ekonomi. Aktiviti perdagangan ini melibatkan pertukaran barangan dagangan antara pedagang dari luar daerah dengan penduduk tempatan serta antara berbagai kelompok etnik dan budaya di daerah tersebut. Kedua, sektor pertanian juga menjadi sumber ekonomi kedua yang penting di Dinding. Penduduk tempatan terlibat dalam kegiatan pertanian dan perladangan yang memberikan sumbangan penting dalam menyokong ekonomi setempat. Ketiga, aktiviti nelayan juga menjadi sumber ekonomi yang ketiga penting di Dinding. Lokasinya yang berdekatan dengan perairan membuatkan aktiviti perikanan menjadi salah satu mata pencarian utama penduduk tempatan. Keempat, industri kraftangan dan perdagangan domestik juga turut berperanan dalam menyokong ekonomi Dinding. Ini termasuklah hasil kraftangan, industri hiliran daripada hasil pertanian, serta kegiatan perdagangan setempat yang memperkuat ekonomi di peringkat masyarakat setempat. Kelima, potensi sumber alam seperti hasil hutan juga turut menyumbang dalam menyokong ekonomi setempat di Dinding.

Pelabuhan-pelabuhan di Perak, antaranya di Lumut Dinding telah menjadi pusat perdagangan penting bagi pedagang yang datang dari seluruh dunia. Barang-barang yang diimport dan dieksport ini melalui pelabuhan tersebut termasuklah hasil pertanian, kayu-kayan dan barang-barang pembuatan. Jika dilihat pada tahun 1824-1867, sumber ekonomi di Perak secara umumnya bergantung kepada industri perlombongan, pertanian dan perdagangan.<sup>15</sup> Perak mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk penanaman padi, getah dan buah-buahan. Hasil pertanian ini dijual di pasaran tempatan dan dieksport ke negara-negara lain. Antara pelabuhan untuk eksport terutamanya barangan daripada penduduk tempatan adalah di Pulau Dinding. Ia terletak di sebuah teluk yang luas dan terlindung oleh bukit Dinding serta terletak hampir berhadapan dengan Pulau Pangkor Besar. Teluk ini mampu menampung kapal

bersaiz besar dengan kedalaman air yang mencukupi. Ia dianggap sebagai pelabuhan yang sangat baik untuk kapal yang menjalankan perdagangan antara Perak, Pulau Pangkor dan Pulau Pinang.<sup>16</sup>

*Straits Settlement* (Penempatan Selat) berfungsi sebagai pelabuhan strategik dan pusat kawalan perdagangan British ke China.<sup>17</sup> Namun begitu, Lord Kimberley John Wodehouse, Setiausaha Tanah Jajahan telah memutuskan bahawa British harus melakukan cengkaman kuasa lebih daripada itu. Kimberley telah mengarahkan Sir Andrew Clarke untuk mengukuhkan kedudukan British di *Strait Settlement*. Oleh sebab itu, British telah mengambil alih *Straits Settlements* pada tahun 1867 dari East India Company dan diletakkan di bawah tanggungjawab pejabat kolonial (*Colonial Office*). *Straits Settlements* pada awalnya terdiri dari tiga kawasan, iaitu Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka kemudian ditambah kepada Dinding dan Province Wellesley. Penyerahan setiap kawasan tersebut berlaku dalam tempoh berbeza bermula daripada 1786 sehingga 1825. Kebanyakan penyerahan wilayah ini dilakukan oleh pihak kerajaan kepada Syarikat India Timur (EIC) kecuali Melaka yang diserahkan oleh Belanda. Ini memberikan gambaran jelas tentang proses dan kronologi bermulanya campur tangan yang lebih agresif oleh British di Malaya pada abad ke-18 dan 19. Ini bertujuan untuk mengawal perdagangan dan kepentingan ekonomi melalui kawasan strategik daripada segi maritim. Sultan Perak pada 18 Oktober 1826 telah mengikat perjanjian dengan Kerajaan British India untuk menyerahkan Pulau Dinding dan semua pulau lain sekitarnya yang termasuk dalam Kerajaan Perak. Penyerahan ini dibuat kerana pulau-pulau berkenaan dikatakan menjadi pusat kegiatan lanun yang mengganggu aktiviti perdagangan di perairan tersebut Demi memastikan penguasaan terhadap laluan ekonomi maritim yang penting ini usaha British untuk mengawal keselamatan laluan perdagangan maritim di perairan Perak dilakukan dengan memindahkan bidang kuasa pemerintahan kawasan kepulauan tersebut di bawah kekuasaannya. Ia menggambarkan kepentingan ekonomi di sebalik semua campur tangan British di Tanah Melayu ketika itu.

“The British possessions in Malaya consisted of Penang, then officially known as Prince of Wales Island-Provence Wellesley, the island known as the Dindings, Malacca, and Singapore. Penang had been ceded to the East India Company by the Raja of Kedah in 1786; Province Wellesley was purchased for 32,000 in 1800; the Dindings Island was ceded to the company in 1826, although not occupied till long afterwards; Singapore was founded by Sir Stamford Raffles in 1819; and Malacca was finally ceded by the Dutch in 1825.”<sup>18</sup>

“By an engagement of the Sultan of Perak, dated the 18th day of October 1826, which the India Government accepted, the Sultan from that date, ceded to the Honourable the East India Company of England, to be under its government henceforward and for ever, the Pulo Dinding and the Islands of Pungkor, together with all and every one of the Islands which belonged of old and until this period to the Kings of Perak, and which have been hitherto included within the Perak state, because the said Islands offered safe abodes to the pirates and robbers who plunder and molest the traders on the coast”<sup>19</sup>

## Daerah Dinding dalam Negeri-Negeri Selat (1874-1935)

Kedatangan British pada abad ke-19 yang dimulakan secara rasmi oleh Perjanjian Pangkor 1874 bertujuan untuk menandakan pengaruhnya ke pulau tersebut di tangan British. Kehadiran British seterusnya telah membawa era peralihan pemerintahan yang beransur-ansur untuk menegakkan sistem pentadbirannya dalam menghadapi ancaman anasir lanun dan situasi tidak aman di Dinding. Walaupun wujud ketidakstabilan dalam tempoh waktu selepas Perjanjian Pangkor, potensi geografi dan ekonomi daerah ini begitu besar dengan kawasan ini mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk penanaman pelbagai tanaman seperti ubi kayu, lada dan gambir. Sumber pembalakan turut menjadi eksport utama yang telah merangsang pertumbuhan ekonomi daerah.

Pada 24 Januari 1874, *Colonial Office* telah menerima telegram yang mengumumkan pelantikan Residen pertama di Malaya.<sup>20</sup> Sir Andrew Clarke yang ditugaskan untuk melaporkan keadaan hal ehwal negeri Melayu telah bertindak terlebih dahulu dengan menangani konflik kuasa di Perak. Clarke telah memanfaatkan hubungan perniagaannya dengan pedagang terkemuka di negeri-negeri Selat untuk membantu menyelesaikan masalah di Perak. Bermula dengan *Straits Settlement*, British melihat potensi ekonomi yang besar di negeri-negeri Melayu yang lain dan ingin memperkuatkan pengaruhnya. Untuk itu, British telah melantik Residen British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang pada awalnya bertindak sebagai penasihat Sultan Melayu. Namun kemudian sistem Residen ini menjadi instrumen kawalan politik British di negeri-negeri tersebut. Ini menunjukkan bahawa British ingin memastikan kestabilan pengaruh politiknya di negeri-negeri tersebut bagi melicinkan sistem perdagangan dan pelaburan British. Pada tahun 1874-1876 British mula bertindak dalam menguasai arah politik di negeri Melayu. Sementara Belanda pada tahun 1874 tersebut sedang melakukan penaklukan di Sumatera Utara Indonesia, peluang ini diambil oleh British untuk membuat pelaburan besar di Malaya. Antara contoh ialah dalam perlombongan bijih timah di Perak. Operasi lombong tersebut melibatkan ramai pekerja Cina tetapi kawasan berkenaan tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi sehingga berlakunya aktiviti samun, pembunuhan dan pembakaran yang mengancam kepentingan dan perdagangan British. Ini menjadi hujah tambahan kepada British untuk lebih mengukuhkan kuasanya dengan alasan untuk mengawal keselamatan kepentingannya.<sup>21</sup>

Tindakan Clarke di Perak ini turut menunjukkan kaitan rapat antara kegiatan politik dengan ekonomi di *Straits Settlement*, khususnya dalam konteks awal kemasukan British dalam politik di negeri Melayu. Peranan pedagang terkemuka seperti W.H.M. Read dan Tan Kim Ching antara bukti hubungan antara kepentingan politik dan ekonomi di Perak. W.H.M. Read adalah salah seorang pedagang terkemuka di *Straits Settlement* yang telah terlibat dalam urusan politik di Perak dan memiliki kepentingan dalam membantu Sultan Abdullah, pewaris Sultan Perak. Ia dilakukan melalui hubungan perniagaannya dengan Tan Kim Ching iaitu seorang pedagang kaya berbangsa Tiongha. Keterlibatan pedagang seperti mereka berdua ini menunjukkan bagaimana faktor ekonomi dan kepentingan perniagaan dapat mempengaruhi perjalanan politik di Perak. Ini ditambah dengan fakta bahawa dalam tempoh 1874-1919, penyumbang utama dalam sektor ekonomi di Tanah Melayu telah dikuasai oleh kaum Cina, baik dalam bidang perlombongan bijih timah mahu pun pertanian.<sup>22</sup> Dominasi ekonomi kaum Cina terus berkembang meskipun pihak

pentadbir dan pedagang British di *Straits Settlement* telah mengadakan inisiatif untuk British campur tangan dalam kedua-dua bidang tersebut. Tindakan Sir Andrew Clarke dalam menyelesaikan masalah ketenteraman awam telah menunjukkan kesan positif kepada ekonomi di Perak. Contohnya, British telah mengirinkan pasukan tenteranya untuk menyelesaikan sengketa perlombongan di Larut pada awal tahun 1874 dan ketika itu hampir 80% daripada eksport bijih timah Perak berasal dari Larut. British juga berusaha untuk meningkatkan hasil pertanian dan memperbaiki infrastruktur pengangkutan.<sup>23</sup> Dengan langkah sedemikian, British dapat membina persekitaran yang lebih kondusif bagi kegiatan ekonominya termasuk perdagangan sedia ada di *Straits Settlement*. Selepas huru-hara di Perak mulai berakhir di antara pihak-pihak yang bertelagah, langkah segera telah diambil oleh British bagi memulihkan semula operasi perlombongan dan bahagian operasi jentera untuk berjalan seperti sediakala. Sebahagian pampasan telah dibayar bagi kerosakan yang telah berlaku. Dengan meletakkan pegawai British sebagai penyelia bagi hal-ehwal tersebut, ia semakin menandakan tindakan untuk menguasai kawasan strategik tersebut.<sup>24</sup>

Perjanjian Pangkor, yang turut melibatkan secara khusus daerah Dinding pada tahun 1874 merupakan peristiwa apabila British campur tangan dalam urusan politik di Perak.<sup>25</sup> Keganasan lanun, pembunuhan dan pembakaran harta awam yang berleluasa di Perak telah secara langsung merugikan perdagangan dan kepentingan ekonomi British. Oleh sebab itu, Perjanjian Pangkor telah memperakui keabsahan pembahagian bidang kuasa dan susunan pentadbiran yang ditetapkan sendiri oleh British.<sup>26</sup> Ketidakstabilan politik di Perak telah mencapai tahun kemuncaknya sekitar tahun 1870 apabila persaingan antara para pewaris Sultan untuk merebutkan kekuasaan telah membawa kepada perjanjian tersebut. Implikasi daripada peristiwa ini adalah terbentuknya dasar pentadbiran British di negeri-negeri Melayu. Daripada konteks ekonomi, sejumlah besar dana wang telah dilaburkan dalam sektor ekonomi di Perak oleh British bagi kepentingan ekonominya.

### **Perkembangan Ekonomi Maritim Jajahan Dinding**

Pelabuhan Jajahan Dinding merupakan sumber ekonomi hasil daripada aktiviti perkapalan dan pentadbiran pelabuhan tersebut. Duti pelabuhan adalah salah satu sumber pendapatan dengan penekanan khusus pada Duti Lampu (*Straits Light Dues*) dan pelbagai yuran pendaftaran bagi kapal, kelasi dan aktiviti yang berkaitan maritim.<sup>27</sup> Anggaran pendapatan untuk bahagian ini pada tahun 1892 berjumlah \$83,850 dan pendapatan sebenar yang diperoleh melebihi anggaran iaitu mencapai \$108,295.13. Lebihan ini menunjukkan bahawa industri maritim yang kukuh di daerah Dinding pada 1892 ini adalah disebabkan oleh peningkatan pendaftaran kapal dan aktiviti berkaitan maritim yang dijalankan. Selain itu, yuran yang berkaitan dengan pendaftaran pelantar memancing, sijil kecekapan dan pelbagai yuran maritim lain turut memberikan sumbangan yang besar kepada aliran pendapatan Dinding. Bajet yang komprehensif pada tahun 1892 ini telah membuktikan pelaburan kewangan yang besar untuk memastikan keberkesanan operasi jabatan laut dalam daerah Dinding. Senarai ini juga merangkumi perbelanjaan berkaitan dengan rumah api, yang melibatkan penyelenggaraan pelampung, penyelenggaraan tanaman di rumah api, lampu gas di pelabuhan, peruntukan untuk penjaga lampu, peruntukan bahan bakar, air dan kos pelbagai yang lain. Perincian yang menyeluruh ini



menunjukkan kepentingan tentang keselamatan maritim dan bantuan pelayaran dalam daerah Dinding.

Perincian perbelanjaan dalam Jabatan Laut Dinding pula pada tahun 1895 memberikan gambaran menyeluruh mengenai peruntukan kewangan dan keutamaan operasi dalam bahagian maritim ini.<sup>28</sup> Jabatan Laut di Dinding mengalami kos yang besar di beberapa kategori. Sebagai contoh, penyelenggaraan dan pembaikan bot berkuasa wap, kapal dan operasi loji dalam Jabatan Laut ditambah sehingga perbelanjaan menjadi lebih besar. Selain itu, perbelanjaan berkaitan dengan penyelenggaraan pelampung dan lampu menunjukkan komitmen dalam memastikan keselamatan maritim dan infrastruktur pelayaran di perairan Dinding. Peruntukan untuk pencahayaan lampu ini penting untuk operasi sewaktu malam dan memastikan pelayaran kapal yang selamat. Tambahan pula, perbelanjaan untuk membersihkan sungai dan pelabuhan, perbelanjaan dalam kuarantin kelasi dan penyediaan barang-barang kapal membuktikan pendekatan menyeluruh terhadap pengurusan pelabuhan, protokol kesihatan dan memastikan bekalan yang mencukupi untuk kapal yang beroperasi di daerah tersebut.

Jadual 1: Perbelanjaan Jabatan Laut Dinding Pada Tahun 1895

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Perbelanjaan</b>	<b>Jumlah (Dollar)</b>
1.	Penyelenggaraan Bot Pelancong	\$4,243.41
2.	Pakaian untuk Jurumudi	\$149.05
3.	Penyelenggaraan Pelampung dan Lampu	\$169.20
4.	Nombor Bot	\$124.80
5.	Perbelanjaan Pelbagai	\$50.00
	Jumlah	\$4,736.46

Sumber: *Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1895*, hlm. 384.

Aktiviti penyelenggaraan dan pembaharuan pelbagai bot dalam daerah Dinding pada tahun 1895 turut dilaporkan. Contohnya pengubahsuaian menyeluruh dan pembaikan semula bot *Dolphin* sehingga menjadi bot yang lengkap spesifikasinya. Pembaharuan serupa juga dilakukan kepada bot *Gwenneth* yang bertujuan untuk memastikan fungsinya yang optimum. Laporan ini juga turut menekankan penambahbaikan bot yang dijalankan untuk bot *Penang Sea Bird* dan *Dinding Launch Pangkor* yang berasaskan wap. Penaiktarafan ini dilakukan di Pulau Brani yang melibatkan pemeriksaan menyeluruh, penggantian dan pemasangan dandang baru. Usaha penyelenggaraan yang teliti ini bertujuan untuk meningkatkan jangka hayat dan prestasi bot yang digunakan dalam memastikan keberkesanan berterusan dalam menyokong operasi maritim dalam daerah Dinding.

Pola pengurusan ini menunjukkan keperluan atau pelaburan yang berbeza mengikut tahun semasa dalam aktiviti berkaitan marin dan infrastruktur dalam jabatan laut tersebut. Contohnya jika dilihat pada perbelanjaan Jabatan Laut Dinding pada tahun sebelumnya, iaitu pada tahun 1890 adalah sebanyak \$3,544 dan ia telah menurun kepada \$1,315 pada tahun 1893.<sup>29</sup> Walau bagaimanapun jumlah tersebut kemudiannya meningkat semula kepada \$4,736 pada tahun 1895. Perbelanjaan ini secara keseluruhan menunjukkan peruntukan yang besar dalam aktiviti berkaitan ketenteraan yang kekal tinggi di sepanjang tahun-tahun 1890-1895 tersebut yang mencerminkan kepentingan strategik dan komitmen berterusan *Straits Settlements* dalam bidang ketenteraan ini.

Jadual 2: Perbelanjaan Jabatan Laut Dinding Pada Tahun 1890-1895

<b>Kepala Perbelanjaan</b>	<b>1890</b>	<b>1891</b>	<b>1892</b>	<b>1893</b>	<b>1894</b>	<b>1895</b>
Jabatan Laut Dinding	\$3,544	\$3,405	\$1,605	\$1,315	\$1,440	\$4,736

Sumber: *Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1895*, hlm. 211.

Dalam bajet Dinding pada tahun 1902 juga melaporkan lebih kewangan yang memberangsangkan sebanyak \$87,573.92 yang telah dicapai dan majoritinya disumbangkan oleh pendapatan pembalakan kayu hutan yang mencapai \$86,566.21. Lebih ini menandakan aliran kewangan yang positif hasil daripada strategi baharu seperti bayaran royalti dan pengenaan duti eksport pelabuhan.<sup>30</sup> Secara khusus, penyelenggaraan bot dan kapal telah mulai mendapat peruntukan utama yang menunjukkan fokus utama daerah ini untuk mengekalkan aset maritim.

Jadual 3: Bayaran Royalti Dan Duti Eksport Dinding Pada Tahun 1902

<b>Bil</b>	<b>Jenis Bayaran</b>	<b>Royalti/Duti Eksport (dalam dollar)</b>
1.	Royalti Limau	\$2,072
2.	Royalti Kayu	\$115
3.	Duti Eksport Beras	\$4,546
4.	Duti Eksport Kopra	\$275
5.	Duti Eksport Lain-lain	\$318

Sumber: Disesuaikan daripada *Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1902*.

Dari tahun 1900 sehingga tahun 1942 telah menunjukkan pelabuhan di Daerah Dinding telah memainkan peranan yang konsisten dalam membantu ekonomi di daerah tersebut. Pelabuhan ini menjadi pelabuhan yang terpenting untuk mengeksport hasil keluaran daerah Dinding dan daerah-daerah yang berhampiran terutamanya

dalam penanaman pertanian seperti getah dan hasil hutan.<sup>31</sup> Banyak kelebihan pelabuhan di Daerah Dinding ini sesuai untuk dijadikan lokasi pelabuhan. Antara kelebihanannya ialah pelabuhan semula jadi yang strategik, kedudukan geografinya yang tidak jauh dari perairan antarabangsa, kedalaman air yang mencukupi untuk kapal bersaiz besar untuk berlabuh, keperluan perbelanjaan pembinaan pelabuhan yang minimum dan turut juga memberi manfaat kepada penduduk sekitar sebagai laluan eksport hasil pertanian. Selain itu, pelabuhan ini juga dapat mengatasi masalah gangguan trafik akibat kejadian tanah runtuh yang sering berlaku di laluan keretapi utama ke Ipoh.

“It is not necessary to enumerate its many advantages, but the following may be mentioned as some of the more prominent: (1) its possession of one of the finest harbour in the East, (2) its easy accessibility to the China seas and Indian Ocean (3) depth of water in its harbour sufficient to enable vessels of any size to come right up to the natural bank to load and unload, (4) consequently very little expenditure would be needed (5) the benefit to the people living in the surrounding Country and on the Perak River by giving them an outlet for their produce, (6) the unprecedented success which has attended the Tronoh Valley Railway is a sufficient guarantee financially of what may be expected from its extension to Lumut, and lastly the constant interruptions to traffic caused by the ever recurring slips on the main line between Prai and Ipoh, necessitating the transit via Teluk Anson of Coal, Machinery and Merchandise at heavy expenditure and much loss of time.”<sup>32</sup>

Pelabuhan ini membolehkan pengangkutan hasil-hasil pertanian dan perikanan menjangkau ke pasaran luar dan membolehkan pengimportan barangan dari negara-negara lain ke daerah Dinding.<sup>3334</sup> Pelabuhan-pelabuhan di Negeri Negeri Selat yang lain seperti di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka memiliki peranan penting dalam perdagangan dan ekonomi serantau.<sup>35</sup> Sebagai contoh, pelabuhan Pulau Pinang merupakan pusat perdagangan rempah-ratus dan hasil pertanian, seperti lada, kopi dan tebu. Pelabuhan ini juga menjadi titik masuk bagi buruh kontrak dari India Selatan dan China Selatan yang membantu memenuhi keperluan tenaga kerja di sektor pertanian dan perladangan di negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Pelabuhan Singapura pula merupakan pusat perdagangan yang penting bagi komoditi seperti getah, bijih timah dan kayu. Pelabuhan Melaka pula merupakan pusat perdagangan yang penting bagi hasil laut, seperti ikan dan udang. Semua pelabuhan ini juga menjadi titik masuk bagi pedagang dari pelbagai negara seperti Arab, India dan China yang membantu memperkaya keberagaman budaya dan ekonomi di negeri-negeri terbabit.

Daerah Dinding telah muncul sebagai penyumbang yang penting dalam urusan eksport berkaitan dengan perdagangan ikan segar dan jaringan perniagaannya pada tahun 1921 di Perak.<sup>36</sup> Sebagai contoh, terdapat peningkatan yang besar dalam eksport ikan segar iaitu peningkatan kepada \$47,775 pada tahun 1921 berbanding daripada \$24,395 pada tahun 1920. Ini menunjukkan lonjakan besar dalam jumlah perdagangan komoditi khusus ini dalam tempoh setahun. Bidang import berkaitan sektor perikanan menunjukkan pola yang berbeza dengan memperlihatkan penurunan nilai import keseluruhan, khususnya dalam import ikan masin yang merosot kepada \$332,829 pada tahun 1921 berbanding daripada \$603,009 pada tahun 1920. Penurunan ini

menunjukkan keadaan pasaran domestik yang mampu untuk menghasilkan produk ikan masinnya sendiri.

Laporan Bajet 1921 ini turut melaporkan bahawa daerah Dinding menyumbang secara khusus kepada rantai bekalan ikan segar untuk pasaran Singapura.<sup>37</sup> Bagi meningkatkan produktiviti bekalan ikan segar ini, sebuah kapal perikanan berstatus percubaan yang dilengkapi dengan kemudahan penyejukan telah diperkenalkan untuk bersama-sama belayar dengan bot nelayan tempatan. Kapal ini seterusnya membeli tangkapan nelayan dan mengangkutnya ke bandar-bandar utama. Untuk di daerah Dinding, percubaan awal ialah di kawasan memancing di sekitar Pulau Pangkor khususnya kepada tangkapan ikan selar (*scomber*) yang mempunyai pasaran tinggi dan jenis ikan kategori mudah rosak.<sup>38</sup> Ia akhirnya telah memberikan hasil yang memberangsangkan. Kejayaan kapal percubaan ini telah membuka peluang kepada syarikat-syarikat swasta untuk melabur dalam inisiatif serupa di sepanjang pantai jajahan. Kejayaan ini turut membuka peluang dengan idea pengawetan ikan. Kaedah tradisional yang sering dilakukan oleh nelayan melibatkan proses pengeringan dan penggaraman yang menghasilkan produk yang kurang berkualiti.

Bagi sektor perikanan, usaha giat telah diambil pada tahun 1929-30 untuk menyusun semula strategi perikanan di daerah Dinding. Rancangan ini telah dirangka secara kerjasama dengan Pendaftar Umum Perangkaan bertujuan untuk menilai secara menyeluruh mengenai jumlah keseluruhan berat ikan yang didaratkan di pelbagai bandar dan kampung nelayan.<sup>39</sup> Usaha ini memerlukan komitmen peniaga ikan untuk melaporkan semua maklumat ikan yang dibeli daripada nelayan. Data ini kemudiannya dihantar ke ibu pejabat di pejabat *British Settlement* Singapura untuk diproses. Pelaksanaan langkah ini telah menjalani fasa percubaan selama kira-kira dua tahun telah memberikan hasil yang menggalakkan. Laporan tersebut tidak hanya memberi perincian tentang kuantiti dan nilai ikan yang didaratkan tetapi juga menyentuh variasi ikan bermusim dan kuantiti spesies ikan yang ada. Dalam bidang penyelidikan maritim, perancangan kajian ini digerakkan, dirangka dan dikemukakan kepada kerajaan untuk mendapatkan beberapa buah kapal laut, stesen komunikasi untuk tujuan eksperimen serta pekerja mahir untuk memajukan penyelidikan mengenai perikanan laut. Matlamatnya adalah untuk mengkaji pelbagai aspek seperti migrasi ikan, ketidaktentuan jumlah ikan dan perkembangan hidupan laut yang lain. Eksperimen telah turut dijalankan bagi menyiasat potensi sektor perikanan ikan belanak dan ikan emas sebagai produk perikanan yang berpotensi untuk dipasarkan.

Isu berkaitan maritim daerah Dinding turut dikaitkan oleh kegiatan penyeludupan terutamanya penyeludupan getah. Untuk mengatasi masalah ini, pendekatan strategik telah diambil dengan perolehan enam buah kapal berkuasa tinggi oleh Jabatan Kastam Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada Mac 1924.<sup>41</sup> Jabatan Kastam telah dikhususkan untuk menangani kes penyeludupan getah di daerah Dinding. Dalam tempoh 1 Mac sehingga 31 Disember 1924, operasi pasukan ini telah menyita 69 buah perahu dan getah yang disita telah mencapai jumlah seberat 3,116 pikul. Seramai 235 individu telah disabitkan pertuduhan jenayah dan denda keseluruhan berjumlah lebih dari satu juta dolar telah dikenakan. Usaha yang ketat untuk menghalang jenayah penyeludupan ini khususnya kes penyeludupan getah menjadi satu cabaran besar bagi daerah Dinding. Keterlibatan pasukan Jabatan Kastam ini menunjukkan pendekatan komprehensif yang diterapkan British untuk

mengatasi isu yang berterusan ini bagi melindungi kepentingan ekonomi dan kegiatan perdagangan di kawasan tersebut.

### Sosioekonomi dan Ekonomi Maritim Jajahan Dinding pada 1930

Pengeluaran pertanian di dalam daerah Dinding ini telah dibahagikan kepada dua jenis kawasan tanaman, iaitu tanaman di ladang besar yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Eropah dan tanaman yang dimiliki oleh pelbagai kaum termasuk orang Cina, Melayu, dan India di atas ladang yang kecil.<sup>4243</sup> Tanaman utama di Dinding adalah getah, padi, kelapa dan beberapa kawasan yang terhad untuk penanaman kopi.<sup>44</sup> Hasil getah merupakan komoditi eksport yang utama dengan jaringan perniagaannya sehingga kepada pengilang di Singapura.<sup>4546</sup> Kelapa pula mempunyai kegunaan pada sektor pasaran tempatan dan luar, iaitu digunakan dalam pelbagai bentuk seperti kelapa segar dan minyak kelapa di pasaran tempatan. Ia turut dieksport sebagai kopra (kelapa kering) dan kelapa segar ke pasaran luar seperti ke Burma.<sup>47</sup> Walau bagaimanapun, pasaran kopi masih dipasarkan pada pasaran tempatan sahaja. Penanamannya merangkumi kawasan di Melaka (420 ekar), Dinding (500 ekar) dan Pulau Singapura (57 ekar). Sebahagian kecil daripada penanaman kopi di Dinding telah ditanam sekali dengan penanaman getah di ladang tanah milik orang Eropah. Daripada jumlah 500 ekar ini, kira-kira 300 ekar ditanam bersama-sama pokok getah di ladang yang dimiliki oleh syarikat Eropah di Dinding. Pada penghujung tahun 1932, daerah Dinding memiliki kira-kira 344,227 ekar penanaman getah yang mewakili lebih dari satu pertiga daripada keseluruhan kawasan jajahan di Tanah Melayu.<sup>4849</sup> Selain getah, tanaman-tanaman lain yang turut ditanam termasuklah kapas, tembakau dan gula.

Jadual 4: Keluasan Tanaman di Dinding Pada Tahun 1931

Daerah	Padi (ekar)	Getah (ekar)	Kelapa (ekar)	Pinang (ekar)	Nenas (ekar)
Dinding	579	15,587	6,530	4	8

Sumber: Disesuaikan daripada *Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of The Straits Settlements 1931*.

Bagi tanaman padi, daerah Dinding dengan keluasan tanaman padi sejumlah 579 ekar telah menghasilkan 16,000 gantang dan kebanyakannya adalah daripada padi kering.<sup>50</sup> Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai harga padi di Dinding adalah sekitar antara 5 hingga 16 sen setiap gantang. Cabaran yang dihadapi di daerah Dinding adalah cuaca kering dan air pasang tinggi yang menyebabkan kemusnahan tanaman padi. Ini membawa kepada kerugian hasil tanaman padi yang ketara.<sup>51</sup> Musim tanaman padi di Dinding biasanya berlangsung dari bulan Julai sehingga pertengahan Januari atau Februari. Banjir pada berlaku pada bulan November telah menimbulkan kebimbangan terhadap keadaan infrastruktur dan keadaan kawasan pertanian di tempat tersebut. Oleh sebab itu, petani di daerah Dinding telah melakukan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan kerosakan hasil tanaman yang disebabkan oleh air pasang tinggi.<sup>52</sup> Pada tahun 1931-32, kawasan yang boleh

ditanam untuk penanaman padi di Dinding telah mencapai 360 ekar yang menyumbang kira-kira 39,000 tan beras.

Daerah Dinding, Pulau Pinang dan Province Wellesley memiliki persamaan iaitu memiliki hutan bukit utama yang kaya dengan sumber kayu. Walaupun cabaran ekonomi global bermula pada tahun 1930, usaha terus dilakukan ke arah memperkemaskan pengurusan hutan di Dinding walaupun pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh kekangan kewangan.<sup>53</sup> Usaha peningkatan pengurusan hutan telah dijalankan untuk mengubah pengurusan hutan menjadi lebih cekap. Pentadbiran hutan di negeri-negeri Selat khususnya di Dinding telah dikendalikan oleh kakitangan eksekutif dengan dua orang pegawai bertugas sepenuh masa. Ia turut menerima bantuan daripada Jabatan Hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang menyediakan keperluan penyelidikan, pendidikan, kejuruteraan dan pemasaran berkaitan dengan hutan. Untuk mengatasi isu peningkatan kecekapan tersebut, sebuah pusat latihan khusus untuk kakitangan hutan turut dibina. Antaranya tujuannya adalah untuk memperkasakan peranan Jurutera Hutan dalam pengeluaran dan pengangkutan kayu balak, manakala Bahagian pembelian kayu diperkasakan untuk lebih memudahkan urusan perolehan serta pemasaran kayu.<sup>54</sup>

Kemudahan di Pelabuhan Lumut pada tahun 1930 merangkumi ruangan simpanan kargo yang masih terhad kepada dua buah gudang kerajaan dengan kapasiti sebanyak 120 tan. Ketiadaan kemudahan generator tenaga arang batu dan infrastruktur dermaga yang standard menunjukkan kekurangan kemudahan yang disediakan untuk mengisi bahan api dan kemudahan bagi kapal bersaiz besar untuk berlabuh.<sup>55</sup> Tambahan lagi, kemudahan untuk memunggah barangan di pelabuhan ini dijalankan oleh kren bergerak bersaiz satu tan dan ini menunjukkan keadaan peralatan pemindahan barang di Pelabuhan Lumut yang masih berskala kecil bagi menguruskan operasi kargo berskala besar.<sup>56,57</sup> Selain itu, kawasan perlindungan untuk kapal-kapal yang sedang beroperasi dikhaskan kepada dua buah kapal yang tidak melebihi 450 kaki panjang.

Pada tahun 1932, keadaan trafik maritim di daerah Dinding menunjukkan jumlah kapal yang masuk ke pelabuhan masih sederhana jika dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan besar seperti Singapura dan Pulau Pinang. Singapura merupakan pelabuhan kelas pertama dengan kemudahan moden dan memiliki tempat pelabuhan yang mencukupi. Sebaliknya, Daerah Dinding mempunyai pelabuhan yang lebih kecil dan kurang lengkap.<sup>58</sup> Berbeza dengan kemudahan menyeluruh di Singapura dan Pulau Pinang, kemudahan infrastruktur di Dinding mencukupi keperluan asas dan tidak cukup untuk menampung kapal yang besar. Contohnya, Pelabuhan Pulau Pinang memiliki ciri-ciri pelabuhan moden dengan tempat pelabuhan kapal yang besar di kawasan perairan yang terlindung dengan baik. Panjang dermaga pula adalah mencukupi untuk kapal berlabuh. Kedalaman di sepanjang dermaga Pelabuhan Swettenham telah memudahkan kapal untuk masuk. Daerah Dinding juga menghadapi kesukaran dalam menampung kapal yang besar disebabkan keadaan perairan yang lebih terbuka dan tiada kawasan perlindungan yang mencukupi. Aspek pemanduan pelayaran di Pelabuhan Lumut merangkumi perincian mengenai saluran pintu masuk ke pelabuhan turut disentuh. Pintu masuk selatan mempunyai laluan dengan kedalaman 27 kaki pada ketinggian ombak (*Low Water Ordinary Spring Tide*) selebar 200 depa. Maklumat mengenai pintu masuk utara pula adalah dengan kedalaman minimum 6 depa dan kelebaran 250 depa. Ia menjadi

cabaran kepada pemanduan kapal bersaiz besar untuk masuk kerana pada kedalaman tertentu, kapal bersaiz besar tersebut mengalami risiko perlanggaran dengan karang dan batu di dasar laut. Walaupun demikian, potensi untuk pelabuhan Lumut ini berkembang sebagai pusat perdagangan maritim masih disuarakan. Bahkan kedudukan Pelabuhan Lumut yang hampir dengan kawasan perlombongan Kinta telah menjadikannya berpotensi besar menjadi pelabuhan utama. Pembinaan pelabuhan di Lumut juga dijangka tidak akan memerlukan kos sebanyak yang dihadapi oleh Pelabuhan Prai dan Pelabuhan Swettenham yang terpaksa menampung kos besar untuk mengatasi masalah banjir dan kemusnahan akibat pembinaan di kawasan paya bakau.<sup>59</sup>

“In regard to a port at Lumut, one thing is clear, to make Lumut an F.M.S. port will not cost the millions the fiasco at Prai cost nor the millions Port Swettenham cost. The Prai fiasco is too well known for me to recapitulate details, but it may interest my readers to learn how the port known as Port Swettenham was created. It was no natural port such as is Lumut. Port Swettenham lies at the landward end of an estuary in which the Klang and Langkat Rivers meet and dates from the year 1901. The creation of it having been determined, it was necessary, first of all, to provide some dry land, for the whole of the proposed site was tidal flat covered with mangrove trees growing in mud and salt water. The railway, which formerly ended at Klang. was, therefore, prolonged to the mouth of the Klang River, and thousands of tons of truckloads of earth were dumped along the sea front. Thus was the dry land created at colossal cost. Then, when the port was created, it was found that, as a result of building in the midst of a swamp, Port Swettenham was shockingly unhealthy, and another fortune had to be spent in combating malaria. To achieve this a great dyke was built to keep out the sea water, and, as the site became dry. the malaria ceased.”<sup>60</sup>

Rangkaian sektor perkapalan antara daerah Dinding dan negeri-negeri Selat telah menunjukkan sebuah sistem maritim yang berhasil memudahkan komunikasi berkala antara pelbagai penempatan dalam negeri jajahan.<sup>6162</sup> Perkhidmatan mel-surat melalui pelabuhan utama seperti Singapura, Labuan, Melaka, Dinding dan Pulau Pinang telah diuruskan oleh syarikat penghantaran, contohnya *Straits Shipping Company* dan *Straits Steamship Company* bagi memastikan kelangsungan hubungan perdagangan yang sentiasa terhubung. Pada tahun 1931 telah terjadi kemerosotan yang teruk dalam perdagangan global dan ia diterjemahkan dalam penurunan yang besar dalam jumlah kapal yang masuk-keluar dari pelabuhan-pelabuhan negeri-negeri Selat. Jumlah berat (*tonnage*) semua kapal yang masuk dan keluar dari lima pelabuhan ini telah berkurang sebanyak 3,175,488 tan berbanding tahun sebelumnya 1930. Singapura telah menyumbang jumlah terbesar kepada penurunan ini dengan jumlah 2,645,500 tan, diikuti oleh Pulau Pinang, Labuan, Dinding, dan Pulau Krismas yang secara keseluruhannya berjumlah sebanyak 182,725 tan.

## **Perkembangan Sosioekonomi Jajahan Dinding**

Sumber pendapatan utama di Dinding pada akhir abad ke-18 adalah daripada cukai kayu dan perikanan. Cukai pembalakan di Dinding telah dikumpulkan dari sumber kayu yang ditebang di daerah tersebut dan dijual ke luar negeri. Pada tahun 1877, Captain C. H. Lloyd telah dilantik sebagai Superintendent of the Dinding.<sup>63</sup> Lloyd bertanggungjawab dalam mengumpulkan kekayaan dari daerah tersebut termasuk cukai pembalakan dan cukai perikanan. Lloyd dilaporkan mengalami kesukaran dalam mengumpulkan pendapatan dari sumber kayu hutan kerana kayu yang dapat ditebang menjadi semakin berkurangan. Sementara cukai perikanan pula dikumpulkan dari nelayan yang menangkap ikan di perairan sekitar Dinding. Sir Hugh Low telah mencatatkan berbagai pemerhatiannya tentang aspek ekonomi yang mempengaruhi negeri Perak pada tahun 1877.<sup>64</sup> Low mencatatkan adanya perubahan dalam penstrukturan sistem pendapatan negeri termasuk pengenalan cukai import dan eksport serta cadangan untuk memungut cukai pintu dan sewa tanah bagi menambah jumlah kewangan negeri. Ini memberikan gambaran yang mendalam tentang bagaimana pemerintah kolonial British menguruskan sumber ekonomi di negeri jajahannya. Low mencatatkan bagaimana polisi cukai ini turut mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat, termasuk cukai bahan-bahan asas seperti beras dan garam.

Dalam daerah Dinding, Pulau Pangkor ini memiliki potensi ekonomi yang besar terutama dalam sektor pelancongan, pertanian dan perikanan. Pulau ini juga memiliki pelabuhan yang penting untuk perdagangan dan penghantaran barang. Penduduk Pulau Pangkor majoritinya adalah orang Melayu. Pulau Pangkor telah dikembangkan sebagai kawasan pertanian terutama tanaman seperti kelapa, padi dan sayur-sayuran. Namun pada tahun 1876, pertanian di pulau tersebut masih belum dapat berkembang dengan baik. Usaha untuk memulihkan penghasilan padi telah dilakukan namun cabaran lain seperti pengenalan eksais cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa daerah telah membebankan penduduk dan menghalang pemuliharaan penghasilan padi. Penduduk pulau tersebut kebanyakannya juga mencari rezeki dari penangkapan ikan dan hasil laut lain seperti kerang dan udang. Pulau ini juga memiliki pelbagai tempat pelancongan seperti Kuil Fu Lin Kong dan Kota Belanda.<sup>65</sup> Selain itu, ekonomi maritim yang ditunjangi oleh pelabuhan di Pangkor turut menyumbang kepada sosioekonomi penduduk. Kemudahan untuk kapal dagang keluar masuk dan jeti untuk pemunggahan dan pemuatan barang telah menjadi aset berharga untuk membangunkan sektor ekonomi yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

“As soon as steam had been got up in the gig, we went up the Dinding river visiting the site of Mr. Tooth's proposed concession for the erection of his sugar factory. The site is certainly well chosen and few people have. I imagine, any idea what a magnificent harbour there in this river, perfect shelter, deep water, and plenty of room combine to make it a port which the Straits may well be proud of”<sup>66</sup>

British menjalankan dasar ekonomi berdasarkan sistem kapitalisme yang memberi ruang kepada British dalam mengumpulkan kekayaan serta keuntungan yang diperoleh dalam jumlah semaksimum mungkin yang berkait dengan kepentingan



British. Pembangunan ekonomi di Daerah Dinding telah melibatkan beberapa inisiatif utama termasuklah menjalankan aktiviti penanaman getah dan padi, selain penanaman pokok cili, kopi liberia dan ubi kayu turut juga menunjukkan pertumbuhan yang baik di kawasan ini Ia mencerminkan kesesuaian kawasan ini untuk aktiviti pertanian komersial sama ada untuk eksport atau memenuhi permintaan tempatan.<sup>67</sup>

British menggalakkan penanaman getah sebagai sumber pendapatan utama Daerah Dinding. Hasil pendapatan bagi Daerah Dinding dalam tahun 1927 adalah sebanyak \$94,373 yang sebahagian besarnya diperoleh melalui penanaman getah.<sup>68</sup> Selain itu, terdapat ordinan yang dikhususkan kepada pemilik-pemilik tanah tanaman getah seperti Ordinance No.188 yang merupakan pindaan Rubber Lands Assessment Ordinance 1928.<sup>69</sup> Selain penanaman getah, pembalakan juga turut menjadi fokus pembangunan ekonomi oleh British. Dindings membekalkan kayu balak yang berkualiti untuk industri pembinaan ke Pulau Pinang.<sup>70</sup> Daerah Dinding sangat kaya dengan hasil hutan seperti damar, kayu cengal dan meranti. Hasil pendapatan yang diperoleh melalui pembalakan kayu di hutan dara yang telah dirizabkan telah menghasilkan sejumlah \$679.71 pada tahun 1927. Terdapat undang-undang warta hutan yang perlu dipatuhi di bawah Ordinance 108 dalam Government Gazette iaitu hutan di Daerah Dinding mesti dijaga oleh kakitangan pengawal hutan yang bertujuan untuk melindungi hutan daripada diceroboh oleh pembalakan haram. Selain itu, sumber pendapatan Daerah Dinding lain adalah daripada hasil cukai seperti cukai kenderaan, petroleum, lesen, dan yuran penyelenggaraan. Contohnya cukai anjing telah dicatatkan sejumlah \$936 pada tahun 1930 dan \$723 pada tahun 1931. Begitu juga sejumlah \$175 diperoleh melalui kutipan lesen yang dibayar oleh pemilik ladang khinzir kepada British pada tahun 1931.

Analisis bajet kewangan *Straits Settlements* untuk daerah Dinding pada tahun 1892 telah memberi gambaran tentang beberapa aspek penting, terutamanya dalam aspek Pelabuhan Dinding iaitu mengenai jabatan laut, operasi pelabuhan dan rumah api.<sup>71</sup> Pembahagian perbelanjaan ini telah menjelaskan sejumlah peruntukan dana kepada sektor penting yang berkaitan dengan pentadbiran maritim dan keselamatan bagi pelabuhan Dinding. Untuk pemilihan lokasi pelabuhan tersebut, ia dicadangkan operasinya lebih dekat dengan Selat Dinding berbanding dengan kedudukan di Kota Siam yang berada agak ke dalam muara sungai. Antara sebab lain ialah kawasan tersebut mempunyai ruang pergerakan kapal yang lebih luas dan mengelakkan keperluan infrastruktur tambahan yang mahal seperti penambakan laut. Pelbagai pertimbangan seperti kedudukan strategik, aspek fizikal semula jadi, keperluan infrastruktur serta prospek menarik aktiviti perkapalan telah diberikan perhatian dalam pemilihan tapak pelabuhan baharu.

“Lumut has been selected for the proposed port in preference to Kota Siam, further up the river, for these reasons: (1) It is nearer the mouth of the river and easier of approach from the sea, and it avoids the 12 miles of river navigation necessary to reach Kota Siam; (2) Its anchorage is better, and allow more room for vessels to swing and move; (3) The selection of Kota Siam port and railway terminus would involve some costly bridging arrangement (4) At Kota Siam there is no good site for a town, whereas at Lumut there in: (5) It is hoped that ocean steamers would be attracted to Lumut, whereas it is not likely would go to a port to be reached by river navigation only”<sup>72</sup>

Pengaruh British memainkan peranan penting dalam mengubah struktur ekonomi negeri tersebut. Contohnya, ekonomi Perak bergantung kepada sektor pertanian dan perdagangan yang bersifat sara diri dan berskala kecil sebelum kedatangan British. Namun setelah British datang, ekonomi di Perak telah berubah menjadi ekonomi yang lebih berorientasikan pada sektor perlombongan bijih timah. British telah memperkenalkan teknologi moden dan sistem pengurusan yang lebih efisien dalam industri perlombongan timah tersebut. Hasilnya penghasilan bijih timah telah meningkat sehingga mampu meluaskan pasaran eksport timah Perak ke pasaran antarabangsa. Selain itu, British juga memperkenalkan sistem perbankan moden dan infrastruktur asas yang lebih baik seperti jalan raya dan pelabuhan yang memudahkan pengangkutan dan perdagangan. Dalam jangka panjang, perubahan oleh dilakukan oleh British ini telah membawa kesan positif bagi ekonomi Perak. Selain itu, British juga memperkenalkan sistem cukai moden dan mengatur sistem kewangan yang lebih sistematik. Ini membantu meningkatkan pendapatan negeri dan memperkuat kestabilan ekonomi Perak.

Dalam perkembangan ekonomi Perak dalam abad ke-18, pelabuhan dan perdagangan laut terus memainkan peranan penting. Sebagai contoh, pada tahun 1874-1876, Pelabuhan Dinding dan Pelabuhan Teluk Anson contohnya telah menjadi pusat perdagangan penting pada tahun 1870-1900 tersebut.<sup>73</sup> Pelabuhan-pelabuhan ini telah menjadi tempat berkumpulnya kapal-kapal dagang dari pelbagai negara, seperti British, Belanda dan Cina yang membawa barang-barang dagangan seperti kain, teh dan candu.<sup>74</sup> Pelabuhan juga menjadi tempat pelabuhan transit sementara. Contohnya pelabuhan di negeri Perak menjadi tempat transit sementara antara negeri China dan Eropah.

Pada abad ke-19, industri perlombongan bijih timah telah membawa kemajuan ekonomi kepada negeri Perak dengan peningkatan dalam perdagangan dan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan landasan keretapi. Industri ini telah membawa masuk banyak pekerja Cina ke negeri Perak, yang kemudiannya membentuk masyarakat Cina yang ramai dan memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri. Masyarakat India juga turut berperanan dalam ekonomi negeri Perak terutamanya dalam sektor perladangan getah. Mereka mempunyai pengalaman dalam teknologi seperti mesin untuk memproses getah, yang kemudian membantu meningkatkan produktiviti dan keuntungan dalam sektor perladangan getah.<sup>75</sup>

### **Pengurusan Sosioekonomi Jajahan Dinding**

Kemajuan pembangunan dan keadaan ekonomi dalam daerah Dinding pada tahun 1895 dibuktikan dengan laporan mengenai potensi pembangunan pertanian di daerah tersebut. Kira-kira 3,500 ekar yang telah digunakan untuk penanaman dan ini menjelaskan potensi pertanian yang masih belum lagi dimanfaatkan oleh daerah Dinding. Ia memerlukan pelaburan modal dan tenaga buruh yang mencukupi. Pegawai Daerah, Encik Michell dilaporkan telah mengenalpasti peluang untuk menanam jenis pokok rempah yang serupa ditanam di Balik Pulau dan mencadangkan ia ditanam di bukit di sekitar Lumut dan Pulau Pangkor.<sup>76</sup> Kebimbangan tentang risiko penyakit dan keuntungan yang sedikit telah menjadi halangan di kalangan para petani untuk meneruskan projek tanaman pokok rempah tersebut.

Beberapa dokumen kolonial berkenaan dengan daerah Dinding pada tahun 1899 yang berkaitan dengan pengurusan pembalakan.<sup>7778</sup> Laporan tersebut menunjukkan bahawa kawasan hutan ini tidak mencapai saiz yang sepatutnya berbanding dengan keseluruhan kawasan daerah tersebut. Keluasan hutan ini terutamanya di Pulau Pangkor dan Telok Sera didapati agak terhad dan terdapat arahan daripada *Straits Settlement* untuk menambah luas kawasan hutan di kawasan tersebut. Cadangan untuk menambah keluasan kawasan hutan ini memerlukan pemeriksaan oleh Mr. Ridley iaitu seorang penasihat hutan untuk memberi panduan dan keputusan mengenai proses tersebut.<sup>79</sup> Arahan Setiausaha Jajahan dalam memperluaskan kawasan hutan ini adalah untuk melindungi kawasan hutan ini daripada dieksploitasi dan memastikan pemeliharaan sumber semula jadi ini dijaga. Perincian bidang tugas yang jelas antara tanggungjawab kakitangan jabatan hutan dan kakitangan pengurusan pembalakan telah menunjukkan keperluan entiti berasingan yang mengawasi pemeliharaan hutan simpan dan pembalakan. Pemisahan tugas ini adalah bertujuan untuk memastikan fokus sepenuhnya oleh kakitangan hutan dalam memelihara integriti hutan simpan tersebut. Ia menggariskan pendekatan yang teratur dan spesifik dalam pengurusan sumber kayu dan hutan dalam daerah Dinding.

Aspek kewangan dan pembangunan dalam daerah Dinding pada tahun 1902 pula secara khusus telah menilai kesan penambahan infrastruktur baharu seperti rumah api di Tanjong Hantu dan penempatan pelampung bercahaya di North Straits (Selat Utara) yang memberi banyak manfaat kepada operasi penghantaran kapal. Kemudahan pelayaran untuk kapal keluar-masuk ke pelabuhan Lumut boleh dipertingkatkan melalui pembinaan rumah api dan lampu panduan bagi memudahkan pelayaran pada waktu siang dan malam. Dengan berpandukan peta pelayaran, tiada lagi kesukaran bagi kapal bersaiz besar untuk memasuki pelabuhan tersebut.

“Which regard to the Lumut harbour scheme at the Dindings, should it be decided to develop the place and make it a port of call, the facilities of entering could in the opinion of the "Perak Pioneer" be so improved by means of beacons and lights as to render it absolutely easy to enter by day or night. The north entrance needs only a couple of leading lights, whilst the entrance from the south through the Dinding channel is entirely clear of all danger on the island side. The passage through this channel has been rendered much easier at night time by the establishment of a light on Tanjong Hantu. There should not be the slightest difficulty for even the largest vessels provided with the Admiralty charts, to enter this port. has always been a favourite place of visit for English men-of-war. Only quite lately, the battle ship "Glory," the Flagship of the China Station, was lying anchor there.”<sup>80</sup>

Dalam bajet kewangan Dinding pada tahun 1908, pembalakan kayu hutan secara khususnya di Rizab Telok Sera, Batu Undan dan kawasan Lumut telah dilakukan secara pesat dengan jumlah 733 tan kayu telah dikeluarkan pada tahun 1908 tersebut. Pembalakan ini dikategorikan ke dalam kelas yang berbeza-beza, contohnya sejumlah 185 tan kayu Kelas I-A seperti Damar Laut dan sebanyak 527 tan kayu Kelas I-B termasuk Meranti dan Medang. Selain itu, 47 tan kayu telah diperuntukkan tanpa royalti kepada Jabatan Kerja Raya yang merupakan inisiatif kerajaan kepada entiti kerajaan. Bagi pemberian lesen, sejumlah lesen telah diberikan kepada

pemegang lesen untuk pembalakan 242 tan kayu Kelas I, manakala lesen turut dikeluarkan untuk pembuatan bot sargo dari pokok Cengal dan pokok Sama Rupa. Pelbagai kegunaan kayu hutan ini bermula daripada pembinaan sehingga pembuatan bot telah memberi sumbangan ekonomi kepada industri tempatan. Pendapatan yang dijana daripada permit buluh dan rotan berjumlah \$589 dan ini telah menonjolkan sumber pendapatan baharu daerah tersebut. Pendapatan keseluruhan untuk daerah Dinding pada tahun 1908 telah mengalami defisit sebanyak \$2,059.75 berbanding dengan pendapatan yang dijangkakan disebabkan oleh kelewatan dalam membuka Rizab Paya Tanjong Burong disebabkan oleh kelewatan proses survei yang tertangguh. Ini telah memberi kesan kepada perolehan pendapatan daerah.<sup>81</sup>

Pendapatan Daerah Dinding untuk tahun 1908 secara keseluruhan telah menunjukkan peningkatan sebanyak kira-kira \$1,900 berbanding tahun 1907 dengan pendapatan keseluruhan mencapai \$77,059.<sup>82</sup> Sebahagian besar pendapatan ini berjumlah kira-kira \$48,000 adalah berasal daripada kutipan candu dan kebun Spirit Farm. Ini menunjukkan kebergantungan yang besar kepada dua sumber ini. Dengan anggaran penduduk seramai 5,000 orang, pendapatan per kapita berada pada kira-kira \$15 pada tahun 1908. Usaha untuk menggalakkan penanaman padi di daerah Dinding menghadapi sedikit kesukaran sehingga penanaman padi ini tidak mencapai pendapatan yang sewajarnya pada tahun 1908 tersebut. Untuk tanaman getah, Ladang Sandycroft telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dengan keluasan kira-kira 150 ekar tanaman. Begitu juga Ladang Lumut yang diuruskan oleh Herr Muhlinghaus yang mempunyai ladang seluas 300 ekar untuk penanaman getah dan 300 ekar ladang lagi untuk penanaman kelapa. Ini membuktikan usaha yang giat telah dilakukan dalam pertanian berskala besar di dalam daerah ini. Sementara itu, sektor perikanan terutamanya yang diuruskan oleh Melayu Pangkor, Keling dan Cina dilaporkan tidak dioptimumkan sepenuhnya. Hasil ikan ini kebanyakannya dibawa dan diproses di Teluk Anson dan Pulau Pinang dan langkah ini telah merugikan ekonomi nelayan tempatan. Bagi tujuan melicinkan proses eksport dan import pelabuhan, sebahagian besar jalan utama yang menghubungkan Pelabuhan Lumut dengan Sitiawan telah ditar dan baki dua batu lagi jalan utama telah ditar pada tahun 1909.<sup>83</sup>

Pada tahun 1921, sumber aliran pendapatan daerah Dinding secara khusus telah diperolehi antaranya melalui royalti balak, yuran pengeluaran notis, yuran pendaftaran dan pelbagai sumber lain. Laporan bajet 1921 ini turut merangkumi aliran pendapatan yang berkaitan dengan duti pelabuhan yang merangkumi caj berkaitan maritim seperti yuran, denda dan sumbangan dari pelbagai sumber berkaitan pelabuhan.<sup>84</sup> Di daerah Dinding, penanaman padi merangkumi kawasan seluas 980 ekar dan menjadi tumpuan pertanian dalam kawasan tersebut. Prospek pembangunan pertanian di kawasan Dinding terutamanya dalam penanaman padi bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan tanah yang sesuai, pembinaan jalan yang menghubungkan banyak tempat dan sistem pengairan yang baik. Ini menunjukkan kepentingan insentif untuk menarik penduduk luar berpindah ke Dinding.

Berkaitan pembalakan kayu hutan dan kayu api pada tahun 1921, ia telah mencatatkan kemerosotan yang besar dalam hasil kayu dari rizab Pulau Pinang, Province Wellesley dan Dinding. Ia telah merosot kepada 1,114.30 tan daripada 2,139.94 tan terutamanya ia berpunca daripada penurunan aktiviti pembalakan di Dinding. Penurunan ini disebabkan oleh prestasi kurang memuaskan oleh pemegang

permit pembalakan.<sup>85</sup> Begitu juga pengeluaran kayu api turut mengalami penurunan yang ketara iaitu merosot daripada 7,168.34 tan menjadi 4,077.52 tan. Laporan tahun 1922 pula turut melaporkan pola penurunan dalam hasil pembalakan dan kayu api. Hasil pembalakan turun kepada 2,312.65 tan dari 2,991.21 tan pada tahun 1920, sementara hasil kayu api menurun sedikit daripada 5,660.65 tan kepada 5,594.80 tan. Laporan ini masih meramalkan potensi pemulihan pendapatan dari sumber hutan di Dinding dan Melaka dengan peningkatan hasil dijangkakan dalam keadaan positif ekonomi semasa.<sup>86</sup> Ramalan ini mengesyorkan perlunya penambahbaikan kepada amalan operasi di dalam kawasan hutan tersebut.

Hasil pertanian tahunan di daerah Dinding terutama berkaitan dengan penanaman padi mengalami hasil yang tidak menentu pada tahun 1929-30. Anggaran tanah sawah padi yang boleh ditanam di Negeri-negeri Selat dalam tempoh tahun 1929-30 adalah kira-kira 64,825 ekar padi dan telah menghasilkan 17,208,910 gantang padi.<sup>87</sup> Dinding menunjukkan pulangan hasil yang memberangsangkan dengan jumlah tanaman seluas 641 ekar sawah dan menghasilkan sebanyak 157,100 gantang beras. Dilaporkan juga usaha untuk mengawal binatang perosak batang padi yang melibatkan penyelidikan mengenai kitaran hidup serangga itu telah dilakukan. Kawasan eksperimen ini telah menggunakan *Trichogramma Nanum* iaitu serangga parasit sebagai langkah kawalan binatang perosak. Walaupun serangan tikus kerap juga berlaku, ia telah berjaya dikawal.

Selain penanaman padi, Dinding turut subur dengan aktiviti penanaman kopi dengan 200 ekar tanah telah disediakan untuk penanaman kopi.<sup>88</sup> Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong pertanian skala kecil tersebut telah dilakukan dengan penubuhan ladang percubaan untuk tujuan demonstrasi yang berkeluasan kira-kira 10 ekar dan lokasi di Segari telah dipilih untuk lokasi ladang percubaan tersebut.<sup>89</sup> Ia bertujuan untuk menggalakkan penanaman di kawasan tanah yang kecil, memudahkan proses pembelajaran teknik pertanian dan tata kerja yang betul bagi panduan petani tempatan di kawasan tersebut.

### **Pentadbiran Jajahan Dinding oleh Negeri-Negeri Selat berakhir**

Penyerahan Jajahan Dinding kepada Kerajaan Negeri Perak pada tahun 1935 merupakan peristiwa penting dalam sejarah Daerah Dinding. Antara salah satu faktor penyebabnya adalah kekangan kewangan oleh *Straits Settlement*, ditambah lagi dengan kejatuhan harga getah semasa Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia pada tahun 1929 hingga 1933. Kejatuhan harga getah telah menyebabkan satu rang undang-undang telah diluluskan antara negara pengeluar seperti Perancis, United Kingdom, India, Belanda dan Siam. Rang undang-undang ini memperkenalkan satu sistem kawalan ke atas pengeluaran dan jumlah import dan eksport komoditi getah yang bertujuan untuk mengurangkan stok getah dunia serta mengekalkan harga getah pada paras yang berpatutan. Ia mencerminkan usaha untuk mengawal kepentingan ekonomi dalam industri getah.<sup>90</sup>

Daerah Dinding yang bergantung kepada hasil penanaman getah telah mengalami masalah ekonomi yang serius akibat daripada kejatuhan harga getah tersebut.<sup>91</sup><sup>92</sup> Hal ini menyebabkan British memutuskan untuk menyerahkan Daerah

Dinding kepada Kerajaan Negeri Perak sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan kos pentadbiran dan memperbaiki keadaan ekonomi di *Straits Settlement* tersebut. Penyerahan ini turut melibatkan beberapa tempat lain seperti Batu Gajah, Teluk Anson dan sebahagian daripada Kinta. Penyerahan ini turut menyebabkan perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan di daerah Dinding. Sebelum penyerahan, Daerah Dinding telah diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-Negeri Selat dan British mengamalkan dasar campur tangan dalam sektor ekonomi di daerah tersebut.<sup>93</sup> Namun, selepas penyerahan, daerah Dinding menjadi sebuah daerah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak. Penyerahan ini turut memberi kesan kepada rakyat di daerah Dinding yang perlu menyesuaikan diri dengan perubahan pentadbiran dan pembangunan yang berlaku. Bagi tujuan pemindahan kuasa tersebut, Perak telah membayar sejumlah \$86,850 kepada British selepas pindaan undang-undang tersebut diluluskan di Parlimen British. Selain itu, Residen British dan Kerajaan Perak turut sama-sama memberikan komitmen untuk membangunkan Pelabuhan Lumut meskipun selepas pemindahan Jajahan Dinding itu berlaku.<sup>94</sup>

“With reference to the development of Lumut harbour, the Honorable the British Resident and I shall do our best to see that steps are taken towards this development, and it is my hope that it will not be long before this development is carried out.”<sup>95</sup>

## **Kesimpulan**

Secara umumnya, ekonomi Daerah Dinding pada abad ke-19 telah didominasi oleh beberapa sektor utama, iaitu perdagangan, pertanian, perikanan, industri kraftangan, dan eksploitasi sumber hutan. Kedudukan Daerah Dinding yang berhampiran dengan perairan laut telah menjadikan aktiviti perdagangan maritim sebagai penyumbang ekonomi yang penting. Pelabuhan Dinding turut juga memainkan peranan penting dalam menjana hasil melalui kutipan duti pelabuhan, pendaftaran kapal, dan pelbagai duti maritim yang lain. Malah, Daerah Dinding turut muncul sebagai pusat eksport ikan segar yang signifikan pada tahun 1921.

Kajian ini juga telah mendedahkan peranan penting Pelabuhan Dinding dalam memudahkan komunikasi dan pergerakan perdagangan antara daerah Dinding dengan negeri-negeri Selat yang lain. Kemudahan infrastruktur maritim di Dinding, seperti jeti dan kemudahan pemunggahan secara tidak langsung telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat. Selain itu, artikel ini juga telah meneliti perubahan struktur ekonomi Dinding dan di Perak secara keseluruhan akibat kehadiran pengaruh British. Sebelum kedatangan British, ekonomi di Perak rata-rata bersifat sara diri dan berskala kecil, namun kemudian beralih kepada ekonomi yang lebih berorientasikan sektor perlombongan bijih timah. British telah memperkenalkan teknologi moden, sistem pengurusan yang lebih efisien dan infrastruktur asas yang lebih baik, seperti jalan raya dan pelabuhan, yang memudahkan pengangkutan dan perdagangan.

Secara keseluruhannya, perkembangan ekonomi maritim di Daerah Manjung (Dinding) pada tempoh 1874-1935 telah membawa transformasi yang ketara dalam struktur sosioekonomi masyarakat setempat. Sektor ekonomi maritim menjadi salah satu pemacu utama kemajuan ekonomi dan pembangunan infrastruktur di daerah ini.

Malah, perubahan yang dibawa oleh British turut memberi kesan positif kepada ekonomi Perak secara keseluruhan dalam jangka panjang.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana membantu dan memberi galakan dalam penulisan ini.

---

## Biodata

\* Ahmad Fadzil Ahmad Shuhaili (fadzilshuhaili@gmail.com) (corresponding author) merupakan calon Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Malaysia dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.

\*\* Profesor Madya Dr. Khairi Ariffin (khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my) merupakan lulusan Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Malaysia dari Universiti Malaya. Kini, beliau berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.

Received: 5 April 2024

Reviewed: 22 April 2024

Accepted: 30 June 2024

## Nota

<sup>1</sup> Laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Manjung, Diakses di <https://www.mpm.gov.my/profil> pada 31 Januari 2024.

<sup>2</sup> Sejarah Pelabuhan, LP/A1: Fail Pelabuhan Lumut, 1995-2000.

<sup>3</sup> Kuasa From Sultan Jaafar, Muzium Negara, 05/02/1957.

<sup>4</sup> Outline Of The History Of The Dinding From The 17th Century To The Present Time by E M Merewether, *Journal of The Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, 1891.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Malay Peninsula, *Singapore Chronicle and Commercial Register*, 24 May 1832, hlm. 2.

<sup>7</sup> Part 2<sup>nd</sup>, *Singapore Chronicle and Commercial Register*, 9 April 1836, hlm. 3.

<sup>8</sup> The Dutch in the Dindings, *The Straits Budget*, 12 June 1925, hlm. 16.

<sup>9</sup> W.E. Maxwell, Dutch Occupation Of The Dinding, &c. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 11, 1883, hlm. 169–170.

<sup>10</sup> Report On The Living Conditions Of Chinese Fishermen In Pangkor, Muzium Negara, 30/07/1952.

<sup>11</sup> E. M. Merewether, Outline Of The History Of The Dinding From The 17th Century To The Present Time, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 23, 1891, hlm. 35–47.

<sup>12</sup> B. N. Koopmans, Geomorphological and historical data of the lower course of the Perak River (Dinding), *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 37(2 (206)), 1964, hlm. 175–191.

<sup>13</sup> Zaharah binti Hj. Mahmud, The Period And The Nature Of “Traditional” Settlement In The Malay Peninsula, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(2 (218)), 1970, hlm. 81–113.

<sup>14</sup> Mohd Yatim, Othman, *Orang-orang Melayu di jajahan Dinding (Perak): Satu Tinjauan Tentang Asal-Usul Dan Corak Penghidupan Mereka*, 1997, Persatuan Sejarah Malaysia.

<sup>15</sup> L. A. Mills, , & Blagden, C. O. British Malaya 1824-1867, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3(2 (94)), 1925, 1–339.

- <sup>16</sup> Perak, *The Straits Times*, 11 December 1875, hlm. 1.
- <sup>17</sup> W.D. McIntyre, *Relations with the Malay States, 1867–71*, In: *The Imperial Frontier in the Tropics*, Palgrave Macmillan, London, 1967, 1865–75.
- <sup>18</sup> The Straits And Malaya, Sixty Years Of Progress, *The Straits Budget*, 29 June 1897, hlm. 1
- <sup>19</sup> Penang, *The Straits Times*, 22 November 1848, hlm. 3.
- <sup>20</sup> W.D. McIntyre, *The Beginnings of British Political Control in Malaya, 1874–6*. In: *The Imperial Frontier in the Tropics*, 1865–75, Palgrave Macmillan, London, 1967.
- <sup>21</sup> *Straits Times Overland Journal*, 12 February 1874, hlm. 6.
- <sup>22</sup> B.W. Andaya, L.Y. Andaya, *The Making of 'British' Malaya, 1874–1919*, In: *A History of Malaysia, Macmillan Asian Histories Series*, Palgrave, London, 1982.
- <sup>23</sup> J. Gullick, The Economy of Perak in the Mid-1870s, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 83(2 (299)), 2010, hlm. 27–46.
- <sup>24</sup> Ibid.
- <sup>25</sup> K. K. Kim, & A. Clarke, The Pangkor Engagement Of 1874, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 47(1 (225)), 1974, hlm. 1–12.
- <sup>26</sup> W. B. D'Almeida, Geography of Perak and Salangore, and a Brief Sketch of Some of the Adjacent Malay States, *The Journal of the Royal Geographical Society of London*, 46, 1876, hlm. 357–380.
- <sup>27</sup> *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 31 December 1889, hlm. 7.
- <sup>28</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1895.
- <sup>29</sup> Ibid.
- <sup>30</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1902.
- <sup>31</sup> Suggestion And Recommendation For The Rural Board Budget Of 1929, Dindings Rural Board, 06/03/1928.
- <sup>32</sup> Letter from G.W. Wilson Secretary Perak Chamber of Mines, 1909.
- <sup>33</sup> Import Of Vegetables Into British Malaya Other Than "Canned" On "Preserved In Salt & Vinegar", Dindings Rural Board, 04/03/1932.
- <sup>34</sup> Abolition Of The Duty Free Concession On Dried Fish Etc: Exported From The Dindings, Perak. Malayan Union Secretariat, 30/06/1950.
- <sup>35</sup> J. P. Pennefather-Evans, Policing the Federated Malay States, *The Police Journal*, 2(3), 1929, hlm. 406-415.
- <sup>36</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1921.
- <sup>37</sup> Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of The Straits Settlements 1936.
- <sup>38</sup> Ibid.
- <sup>39</sup> Application For A Fish Curing Licence At 58 Pangkor, Dindings Rural Board, 21/11/1934.
- <sup>40</sup> Telaga Nanas, Dindings: Question Of Assisting The People Of Telaga Nanas In The Fishing Industry, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 15/03/1957.
- <sup>41</sup> Colonial Reports - Annual. No. 1183 Federated Malay States 1923-1925.
- <sup>42</sup> Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of The Straits Settlements 1931.
- <sup>43</sup> Rubber Assessment Due On The Four Pieces Of Land Bought By Harcroft Estates From Mr.C.P.Everett, Dindings Rural Board, 11/07/1930.
- <sup>44</sup> Heng Leong Estate, Dindings Rural Board, 13/11/1931.
- <sup>45</sup> Rubber News, *The Straits Times*, 23 June 1928, hlm. 2.
- <sup>46</sup> Rubber Statisics, *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 24 May 1929, hlm. 10.
- <sup>47</sup> Output Of Coconut In Segari During 1928-1929, Dindings Rural Board, 20/01/1929.
- <sup>48</sup> An Economic Survey of the Colonial Empire 1932.
- <sup>49</sup> Large Estates 1st Quarter 1931 Rubber Assessment, Dindings Rural Board, 02/04/1931.
- <sup>50</sup> Ibid., hlm. 6.
- <sup>51</sup> Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of The Straits Settlements 1932.
- <sup>52</sup> Food Cultivation In Dindings & Bruas District, Pejabat Hutan Perak, 28/06/1943.



- <sup>53</sup> Annual Report Dindings 1927, Pejabat Hutan Perak, 20/01/1928.
- <sup>54</sup> Inspection Of Dindings Forest Office 1934, Pejabat Hutan Perak, 14/09/1934.
- <sup>55</sup> Colony of the Straits Settlements, Blue Book 1931.
- <sup>56</sup> Permission To Transport Petroleum By Near. Applies For, Dindings Rural Board, 27/01/1928.
- <sup>57</sup> Petroleum Licences For 1932, Dindings Rural Board, 30/11/1931.
- <sup>58</sup> Proposed Ferry-Lumut To Damar Laut, Dindings Rural Board, 30/01/1928.
- <sup>59</sup> Notes Of The Day, *The Straits Times*, 13 July 1934, hlm.10.
- <sup>60</sup> The Port Of Lumut, *Malaya Tribune*, 3 July 1930, hlm. 3.
- <sup>61</sup> Petroleum Licences For 1932. Dindings Rural Board, 30/11/1931.
- <sup>62</sup> Marine Department Report, *The Straits Times*, 30 May 1932, hlm. 5.
- <sup>63</sup> Ibid.
- <sup>64</sup> E. Sadka, The Journal of Sir Hugh Low, Perak, 1877, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 27(4 (168)), 1954, 1–108.
- <sup>65</sup> W. B. D'Almeida, Geography of Perak and Salangore, and a Brief Sketch of Some of the Adjacent Malay States, *The Journal of the Royal Geographical Society of London*, 46, 1876, hlm. 357–380.
- <sup>66</sup> Variorum, *Singapore Daily Times*, 12 September 1877, hlm. 2.
- <sup>67</sup> Editorials, *Straits Times Weekly Issue*, 4 April 1887, hlm. 5.
- <sup>68</sup> Peranan British Dalam Pembangunan Ekonomi Dan Sosial Di Jajahan Dinding, 1874-1942.
- <sup>69</sup> Ordinance No.188 (Rubber Lands Assessment) Suggests The Repealed And That Rubber Lands, Like Other Lands, Be Assessed Under Ordinance 135 (Municipal), Dindings Rural Board, 21/01/1931.
- <sup>70</sup> The Straits Settlements And British Malaya, *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 7 February 1890, hlm. 3.
- <sup>71</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1892.
- <sup>72</sup> The Proposed New Port Of Lumut, *Straits Times Weekly Issue*, 22 October 1889, hlm 1.
- <sup>73</sup> F.A. Swettenham, Sir Frank Swettenham's Malayan Journals, 1874-1876, *The Journal of Asian Studies*, 36, 1977, hlm. 594 - 596.
- <sup>74</sup> Daily Journal Entries By Frank A. Swettenham (F.A.S.) Describing His Journey From Pulau Pangkor To Dindings, 03.04.1874, Frank Ahelstane Swettenham, 03/04/1874.
- <sup>75</sup> R. O.Winstedt, & R. J. Wilkinson, A History Of Perak, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 12(1 (118)), v–180. 1934.
- <sup>76</sup> Ibid.
- <sup>77</sup> *Forests, Dinding* by E. G Broadrick, National Parks Board Singapore, Publication date 1899.
- <sup>78</sup> Dindings, Pejabat Daerah Dinding, Perak. 06/12/1898.
- <sup>79</sup> Ibid.
- <sup>80</sup> The Dindings, *The Straits Budget*, 6 April 1905, hlm. 9.
- <sup>81</sup> Proposed Survey Of The Dindings, Forwards Report By Mr. Young With A Tracing On The Subject, High Commissioner Office, Malaya. 12/07/1901.
- <sup>82</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1908.
- <sup>83</sup> A Visit to the Dindings, *Straits Echo*, 19 November 1914, hlm. 4.
- <sup>84</sup> Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1921.
- <sup>85</sup> Diary Of Mr. R.G.Hadden, A.C.F. Dindings For 1928, Pejabat Hutan Perak, 18/09/1928.
- <sup>86</sup> Dindings Forest Office F.M.S. Revenue Collection - Payment Of Into The Lumut Treasury On F.M.S. Account, And Issue Of Draft By Asst. Treasurer, Penang, In Favour Of State Treasurer, Perak, Pejabat Hutan Perak, 24/08/1928.
- <sup>87</sup> Colonial Reports - Annual No. 1930 to 1931.
- <sup>88</sup> R.B.D. 1930, Dindings Rural Board, 24/01/1930.
- <sup>89</sup> Segari Estate, Dindings Rural Board, 20/05/1930.
- <sup>90</sup> How Rubber Restriction Will Be Operated, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* (1884-1942), 25 May 1934, hlm. 6.
- <sup>91</sup> Dindings Rural Board, 31/01/1934.
- <sup>92</sup> Appeals Against 1933 Rubber Of Land Assessments, Dindings Rural Board, 22/12/1932.

<sup>93</sup> Annual Report 1937 Kuala Kangsar, Upper Perak & Dindings, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 14/01/1938.

<sup>94</sup> Dindings Territory Ceded To State Of Perak, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* (1884-1942), 13 July 1934, hlm.1.

<sup>95</sup> Early Development Of Lumut Promised, *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 13 May 1935, hlm. 6.

## Rujukan

Andaya, B.W., Andaya, L.Y. *The Making of 'British' Malaya, 1874–1919*, In: *A History of Malaysia, Macmillan Asian Histories Series*, Palgrave: London, 1982.

Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1895.

Annual Departmental Reports Of The Straits Settlements For The Year 1902.

Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of The Straits Settlements 1931.

*Forests, Dinding* by Broadrick, E. G National Parks Board Singapore, 1899.

Gullick, J. The Economy of Perak in the Mid-1870s, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 83(2 (299)), 2010.

Inspection Of Dindings Forest Office, Pejabat Hutan Perak, 1934.

Kim, K. K., & Clarke, A. The Pangkor Engagement Of 1874, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 47(1 (225)), 1974.

Maxwell, W. E. Dutch Occupation Of The Dinding, &c. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 11, 1883.

McIntyre, W.D. *Relations with the Malay States, 1867–71*, In: *The Imperial Frontier in the Tropics, 1865–75*, Palgrave: Macmillan, London, 1967.

Mohd Yatim, Othman. *Orang-orang Melayu di jajahan Dinding (Perak): Satu Tinjauan Tentang Asal-Usul Dan Corak Penghidupan Mereka*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1977.

Outline Of The History Of The Dinding From The 17th Century To The Present Time by E M Merewether, *Journal of The Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, 1891.

Sadka, E., The Journal of Sir Hugh Low, Perak, 1877, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 27(4 (168)), 1954.

Swettenham, F.A. Sir Frank Swettenham's Malayan Journals, 1874-1876, *The Journal of Asian Studies*, 36, 1977.

Winstedt, R. O., & Wilkinson, R. J. A History Of Perak, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 12(1 (118)), v–180, 1934.